



PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP)

TAHUN 2022 - 2026

MAJLIS PERBANDARAN KLANG



ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KLANG	3
KATA-KATA ALUAN TIMBALAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KLANG	4
RINGKASAN EKSEKUTIF	5
PENGESAHAN PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) MAJLIS PERBANDARAN KLANG DARI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)	6
PROFIL MAJLIS PERBANDARAN KLANG	
1.1 PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG MAJLIS PERBANDARAN KLANG	8
1.2 CARTA ORGANISASI MAJLIS PERBANDARAN KLANG	9
1.3 VISI, MISI DAN NILAI-NILAI BERSAMA MAJLIS PERBANDARAN KLANG	10
1.4 FUNGSI DAN PERANAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG	11
ANALISIS	
2.1 ANALISIS PERSEKITARAN	12
2.2 ANALISIS DATA	13
• ADUAN AWAM KAKITANGAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG	14
• TINDAKAN TATATERTIB KAKITANGAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG	15
• SOAL SELIDIK KAKITANGAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG	16
• SISTEM PENGURUSAN AUDIT NILAI (SPAN) MAJLIS PERBANDARAN KLANG	17
• DATA STATISTIK ADUAN DAN LAPORAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH (SPRM)	18
2.3 DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS	19
2.4 ISU DAN CABARAN	20
2.5 KESAN RASUAH TERHADAP INDIVIDU, MASYARAKAT DAN NEGARA	21
KERANGKA OACP MAJLIS PERBANDARAN KLANG	
3.1 RINGKASAN STATISTIK BIDANG KEUTAMAAN, STRATEGI, OBJEKTIF STRATEGI DAN INISIATIF JABATAN	23
3.2 VISI DAN MISI OACP	24
3.3 BIDANG KEUTAMAAN YANG BERISIKO	25
3.4 STRATEGI OACP	26
3.5 OBJEKTIF STRATEGI	27
3.6 KEUTAMAAN STRATEGI : PENEKANAN 46 PELAN TINDAKAN (INISIATIF)	28 - 30
PEMANTAUAN DAN PENILAIAN	
• PELAN TINDAKAN (INISIATIF) OACP MAJLIS PERBANDARAN KLANG	31 - 37
4.1 MEKANISME PENYELARASAN DAN PENILAIAN	38
4.2 FORMAT PELAPORAN OACP MAJLIS PERBANDARAN KLANG	39
KESIMPULAN	39

Sabda Rasulullah S.A.W

“Rasulullah S.A.W melaknat orang yang memberi rasuah dan orang yang menerimanya”

(Riwayat Abu Daud)

Sabda Rasulullah S.A.W

“Pemberi rasuah dan penerima rasuah berada dalam neraka”

(Riwayat at-Thobarani)

PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KLANG



Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Majlis Perbandaran Klang tahun 2022-2026 dapat dibangunkan dengan jayanya hasil usaha dan komitmen daripada Unit Integriti dan semua jabatan di MPK. Tahniah dan syabas saya ucapkan.

Menyedari kepentingan serta usaha pencegahan rasuah, Pelan Antirasuah Organisasi atau Organisation Anti Corruption Plan (OACP) yang digubal dan diterbitkan bertujuan untuk membudayakan dan memperkukuhkan integriti dikalangan warga kerja Majlis Perbandaran Klang melalui pelaksanaan tindakan-tindakan preventif dan proaktif seperti yang digariskan di bawah pelan tersebut. Pelan OACP ini menggariskan 4 strategik utama, 7 objektif strategik dan 46 Pelan Tindakan bagi menghapuskan ruang dan peluang bagi isu rasuah, masalah integriti mahupun tadbir urus di MPK. Menjadikan integriti sebagai garis panduan atau pegangan dalam menjalani kehidupan dapat menjadi benteng kepada kita daripada terjebak dengan perkara-perkara yang merugikan diri sendiri, agama, organisasi dan negara

Saya menyeru semua pihak khususnya warga kerja MPK untuk menggembleng tenaga serta berganding bahu membendung MPK agar sentiasa bebas daripada amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Semoga Pelan OACP MPK ini dapat menjadi panduan dan gerak kerja yang tersusun ke arah melaksanakan agenda integriti yang bersifat holistik dan mampan di MPK.

Saya menyeru kepada warga kerja MPK agar terus komited dalam melaksanakan Pelan Tindakan yang terkandung dalam OACP ini untuk memastikan MPK sentiasa berada di landasan yang betul berpaksikan integriti serta akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang di MPK.

Akhir kata, sekalung tahniah dan penghargaan kepada semua pihak khususnya Unit Integriti dan juga jabatan-jabatan di atas usaha gigih dan komitmen yang tinggi dalam menghasilkan Pelan Antirasuah MPK 2022-2026 ini.

Sekian.

(TPr. HAJAH NORAINI BINTI ROSLAN, S.I.S., P.P.T)

KATA – KATA ALUAN

TIMBALAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Pelan Antirasuah Organisasi atau dikenali sebagai “Organisation Anti Corruption Plan (OACP)” yang komprehensif dan inklusif khusus untuk Majlis Perbandaran Klang berjaya disediakan.

Agenda pengukuhan integriti sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan sebagai aspirasi menjadikan Malaysia sebuah negara yang dikenali kerana integritinya, bukan kerana rasuahnya. Bagi mencapai hasrat tersebut pelbagai usaha giat dilaksanakan bagi mengukuhkan penghayatan dan pengamalan integriti menerusi program-program dan aktiviti-aktiviti di Majlis Perbandaran Klang.

Pelan OACP MPK yang telah dibangunkan secara kolektif ini perlu dilaksanakan dengan keteguhan tekad dan azam untuk memastikan setiap warga kerja MPK berintegriti tinggi dan bebas daripada pengaruh rasuah selaras dengan tuntutan agama, aspirasi Kerajaan dan harapan rakyat.

Dalam hal ini, usaha dan komitmen daripada semua warga kerja Majlis Perbandaran Klang penting dan perlu digerakkan secara bersepadu dan terselaras dalam usaha mengurangkan atau menghapuskan terus isu-isu risiko rasuah daripada berlaku di dalam organisasi yang kita cintai.

Saya berharap agar OACP ini dapat dijadikan panduan dan rujukan yang komprehensif dan inklusif kepada seluruh warga kerja MPK bagi bersama-sama menangani isu rasuah di MPK. Di samping itu, penghayatan terhadap nilai integriti terus dipupuk di peringkat organisasi dan warga kerja Majlis khususnya bagi meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan di Majlis.

Sekian.

(ELYA MARINI BINTI DARMIN, A.M.S)



RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Majlis Perbandaran Klang 2022 – 2026 merupakan dokumen yang dibangunkan dalam usaha memerangi rasuah dan menangani isu integriti serta tadbir urus.

Penyediaan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) adalah berpandukan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan oleh YAB Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad, Perdana Menteri Ke-7 pada 29 Januari 2019 dan arahan YAB Perdana Menteri No. 1 tahun 2018 Siri 2, No. 1 tahun 2019 yang berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia : Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Organisasi.

Objektif utama pembangunan OACP ini adalah untuk meningkatkan imej Majlis Perbandaran Klang sebagai Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat sekitar Klang khususnya dalam usaha memerangi rasuah serta memberi tumpuan khusus kepada masalah rasuah yang berlaku dalam organisasi.

OACP MPK dirangka dengan visi “Membentuk Warga Majlis Perbandaran Klang Yang Berintegriti Dan Bebas Rasuah Ke Arah Bandaraya Diraja Dan Warisan Yang Mampan” dan misi “Memantapkan Kecekapan, Ketelusan Dan Akauntabiliti Organisasi MPK Berasaskan Tadbir Urus Yang Baik Dan Berintegriti berdasarkan 4 bidang keutamaan iaitu Tadbir Urus Dan Pengurusan, Kewangan Dan Perolehan, Perancangan Dan Pembangunan, dan Penguatkuasaan Dan Pelesenan. Bagi tujuan tersebut sebanyak 4 strategi, 7 objektif strategi yang telah digariskan dan 46 Pelan Tindakan (Inisiatif) perlu dilaksanakan dalam mencapai matlamat OACP MPK.

Diharapkan semoga dokumen OACP ini akan menjadi panduan terbaik kepada kakitangan MPK untuk terus menjadi sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang berintegriti dan bebas rasuah sekaligus dapat meningkatkan imej sebagai sebuah agensi perkhidmatan awam.

PENGESAHAN PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) MAJLIS PERBANDARAN KLANG DARI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)



SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
NEGERI SELANGOR
LOT 1, PERSIARAN SELANGOR
SEKSYEN 16
40000 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN



Tel. : 03-5525 4500
Faks : 03-5525 4515
Website : <http://www.sprm.gov.my>



Rujukan: SPRMSEL(S) 600-5/10
Tarikh: 29 Julai 2022
Zuhajah 1403

Unit Integriti
Majlis Perbandaran Klang
Bangunan Sultan Alam Shah
Jalan Perbandaran
41675 Klang Bandar Diraja
Selangor Darul Ehsan
Puan,

PERMOHONAN UNTUK PENGESAHAN BAGI PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat puan No.Rujukan BLI (20)dm.MPK 500-6/1/2 Jk.13 bertarikh 15 Julai 2022 adalah berikutan:

1. Sukacita dimaklumkan Sesi Pemurnian Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Majlis Perbandaran Klang telah dilaksanakan di antara Unit Pemeriksaan dan Perundangan SPRM Negeri Selangor dan Unit Integriti Majlis Perbandaran Klang pada bulan Mei dan Jun 2022.
2. Sehubungan dengan itu, pihak SPRM Negeri Selangor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kerana telah berjaya menyediakan OACP mengikut format dan kriteria yang telah ditetapkan.
3. Kerasama dan komitmen tinggi yang telah diberikan oleh pihak puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menyerahkan amanah,



(DATUK HAJI ALIAS BIN SALIM) TP/
Pengerah
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Negeri Selangor

**RASUAH DIBINA, MARUAH DIBINA
ABHOR CORRUPTION, UPHOLD PRIDE**

“Telah seringkali Beta ingatkan untuk tidak melibatkan diri dengan gejala rasuah yang boleh merosakkan bangsa dan Negara.”

***DYMM Sultan Selangor
Titah Pembukaan Persidangan Dewan Negeri
23 Ogos 2021***

“Hanya nilai integriti, kejujuran dan amanah yang kukuh dalam diri seseorang dapat menangkis godaan rasuah serta salahguna kuasa. Walaupun memiliki banyak wang yang banyak, hujung tahun dapat bonus dan ada lagi ganjaran lain, tetapi hidup tidak seronok kerana apa yang kita miliki itu tidak berkat.”

Ketua Setiausaha Negara



Pengenalan & Latar Belakang Majlis Perbandaran Klang


Bagi melicinkan pentadbiran bandar Klang, kerajaan telah menubuhkan Lembaga Kebersihan Klang (Klang Sanitary Board) pada 1 Ogos 1890 dan lembaga ini telah melalui pelbagai naik taraf sejajar dengan pencapaian kejayaannya yang cemerlang dalam mengurus dan mentadbir bandar Klang. Bagi menyelaraskan pentadbiran, Lembaga Kebersihan Port Swettenham (Port Swettenham Sanitary Board) telah digabungkan dengan Lembaga Kebersihan Klang mulai tahun 1926.

Selepas Perang Dunia Kedua, Lembaga Kebersihan Klang telah dinaik taraf kepada Lembaga Bandaran Kelang pada Disember 1945 dan seterusnya sebagai Majlis Bandaran Kelang pada tahun 1954 selaras dengan perkembangan sistem pentadbiran tempatan.



Gabungan Majlis Bandaran Kelang bersama Majlis Tempatan Kapar, Majlis Tempatan Meru dan Majlis Tempatan Port Swettenham telah membawa kepada pembentukan Majlis Daerah Klang pada tahun 1971. Penyusunan semula pihak-pihak berkuasa tempatan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) menyaksikan Majlis Daerah Klang dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran Klang pada 1 Januari 1977.

CARTA ORGANISASI MAJLIS PERBANDARAN KLANG



VISI, MISI DAN NILAI-NILAI BERSAMA MAJLIS PERBANDARAN KLANG

VISI

Klang Bandaraya Diraja Dan Warisan
Yang Mampan

MISI

Melaksanakan Perkhidmatan
Berkualiti Berintegriti Serta Tadbir
Urus Dan Perancangan Bandar
Yang Holistik Dengan
Mengutamakan Elemen Warisan
Dan Sejarah



NILAI-NILAI BERSAMA

MATLAMAT:

Menuju Kejayaan yang hakiki
berasaskan:

- Alfalah (success) dunia dan akhirat
- Selari dengan visi dan misi MPK
- Selari dengan dasar, halatuju konsep Bandar Sejahtera
- Selari dengan matlamat pembangunan Mampan Global (SDG) -17

PRINSIP:

- Hubungan yang sejahtera antara manusia dengan PENCIPTA.
- Hubungan yang sejahtera antara manusia dengan MANUSIA.
- Hubungan yang sejahtera antara manusia dengan PERSEKITARAN.

TONGGAK:

- Pengisian rohani (spiritual),
- Pembangunan masyarakat (development of society),
- Perancangan dan pembangunan fizikal sejahtera (physical planning)
- Ekonomi yang boleh bergantung harap dan adil (reliable & fairness)

FUNGSI DAN PERANAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG


FUNGSI

Memberi Perkhidmatan Perbandaran kepada seluruh masyarakat di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Klang.

PERANAN



Memaju, menggalakkan dan mengawal pembangunan perbandaran.




Memaju, menggalakan dan menyelaraskan segala aktiviti ekonomi dan peniagaan.




Memperkasa pengurusan hasil.



Menyediakan dan menyelenggara infrastruktur dan kesihatan.



Menguruskan alam sekitar, kebersihan dan kesihatan.




Memantapkan pembangunan belia dan kemasyarakatan.

ANALISIS

2.1 ANALISIS PERSEKITARAN

Bagi tujuan analisis persekitaran dan penilaian risiko untuk pembangunan OACP Majlis Perbandaran Klang, pelbagai data telah diperolehi daripada pelbagai sumber merangkumi tahun 2017 hingga 2021.

Mekanisme Penilaian Risiko



2.2 ANALISIS DATA

Dalam fasa pembangunan OACP MPK, pelbagai data telah diperolehi sepanjang proses penilaian risiko bagi menentukan bidang-bidang yang perlu diberi tumpuan oleh MPK. Data-data tersebut terbahagi kepada data dalaman dan data luaran. Data dalaman jabatan merangkumi aduan awam, aduan integriti, kes-kes tatatertib, laporan Bahagian Audit Dalam dan soal selidik melibatkan warga MPK. Manakala data luaran terdiri daripada data yang diperolehi daripada agensi luar seperti Kajian Public Service Corruption Ranking (PSCR) daripada SPRM dan Laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Pelan Corruption Risk Management (CRM) MPK turut dirangka melibatkan semua bahagian di bawah MPK bagi mengenalpasti risiko-risiko berkaitan rasuah di MPK yang boleh menjejaskan operasi dan imej jabatan. Selanjutnya, hasil perbincangan bersama SPRM dan input daripada setiap bahagian yang dikemukakan semasa Bengkel Pembangunan OACP, risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan anti rasuah di MPK telah dikenal pasti.



ADUAN AWAM KAKITANGAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG


Aduan awam merupakan aduan yang telah disenarai pendek daripada Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) yang dikemukakan oleh Jabatan Komunikasi Korporat dan didapati tiada aduan yang direkodkan berhubung salah laku kakitangan MPK. Walau bagaimanapun berdasarkan rekod di dalam Sistem i-Responz MPK didapati terdapat aduan sikap kakitangan berkaitan etika komunikasi di kaunter, kelemahan proses kerja dan isu penyampaian perkhidmatan. Berikut adalah data aduan yang diterima pada tahun 2018 sehingga 2021.

Statistik Kes Aduan Tatakelakuan Kakitangan dari Tahun 2018 – 2021

Tahun	Bilangan Kes
2018	1
2019	4
2020	1
2021	1
Jumlah	7

Statistik Kes Aduan Tatakelakuan Kakitangan MPK Tahun 2018 - 2021

■ 2018 ■ 2019 ■ 2020 ■ 2021




Bilangan Kes

TINDAKAN TATATERTIB KAKITANGAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Statistik kesalahan tatatertib kakitangan MPK bagi tahun 2017 sehingga 2021 adalah seperti berikut :

KESALAHAN TATATERTIB	JUMLAH KES
KETIDAKHADIRAN	51
CUAI DALAM MELAKSANAKAN TUGAS	5
TUNTUTAN PALSU / DOKUMEN PALSU	3
SALAHGUNA KUASA	2
TERIMA / MENERIMA RASUAH	3
MENCEMARKAN NAMA BAIK MAJLIS	6

STATISTIK KESALAHAN TATATERTIB KAKITANGAN MPK TAHUN 2017




SOAL SELIDIK KAKITANGAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Merupakan analisa data yang diperolehi daripada responden kaji selidik bertujuan untuk mengukur persepsi dan pandangan warga MPK daripada pelbagai gred berhubung isu rasuah, governans dan integriti di MPK.

Berdasarkan tahap tadbir urus MPK yang diukur melalui persepsi kakitangan mencatat nilai 70.7. Di kalangan elemen-elemen tadbir urus, nilai yang dicatatkan berada di antara 55.1 (pembuatan keputusan) dan 91.4 (penyampaian perkhidmatan). Ini bererti dalam persepsi kakitangan, MPK mempunyai tahap penyampaian perkhidmatan yang amat tinggi dan sistem & struktur (75.2) yang sederhana tinggi. Walau bagaimanapun, kakitangan mempunyai persepsi bahawa tahap ketelusan di dalam MPK adalah sederhana (47.1). Satu perkara yang positif ialah di dalam persepsi kakitangan tahap “rasuah” di dalam MPK adalah rendah (22.1).

KAJISELIDIK PERSEPSI KAKITANGAN MPK



**75% - 100%
Berada Di
Tahap Tinggi**

**60% - 74%
Tahap
Sederhana
Tinggi**

**40% - 59%
Tahap
Sederhana**

**0% - 39%
Tahap
Rendah**


SISTEM PENGURUSAN AUDIT NILAI (SPAN) MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Audit Nilai merupakan satu proses bagi mengukur tahap amalan nilai murni sesebuah agensi dalam perkhidmatan awam.

SPAN dilaksanakan pada setiap tahun untuk memantapkan pembudayaan nilai murni dalam di MPKlang melalui perancangan dan pengurusan amalan nilai yang komprehensif, berstruktur dan berkesan.

Berdasarkan nilai Indeks Komposit yang diperolehi MPK bagi tahun 2017 - 2019, secara keseluruhannya Indeks Komposit MPKlang berada pada nilai 80-89 iaitu ditahap yang baik dan perlu berusaha untuk meningkatkan lagi pemantapan budaya nilai murni di MPKlang.

ANALISIS SPAN 2017 - 2019



POIN

TAHAP PENGAMALAN NILAI

≥ 90	Cemerlang dan perlu dikekalkan
80 -89	Boleh diterima dengan meneruskan peningkatan
60 - 79	Perlu penambahbaikan dengan pemantauan
≤ 59	Sangat perlu penambahbaikan dengan pemantauan

DATA STATISTIK ADUAN DAN LAPORAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

STATISTIK MAKLUMAT MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK) BAGI TAHUN 2017 HINGGA 2021									
TAHUN	ASPRM 2019 / APR 1997					AMLA	Kanun Keseksaan	Lain- Lain	JUMLAH
	Terima Rasuah	Beri Rasuah	Tuntutan Palsu	Salahgunakuasa	Sistem dan Prosedur				
2017	4	0	0	4	0	0	0	4	12
2018	5	0	0	3	0	0	0	7	15
2019	5	0	1	0	0	0	0	7	13
2020	1	0	0	5	0	0	0	6	12
2021	4	0	1	4	0	0	0	5	14
JUMLAH	19	0	2	16	0	0	0	29	66

*Kesemua data diperolehi melalui CRIS

*Tidak mengambil kira tangkapan semula bagi maksud pertuduhan di mahkamah (Keputusan Mesyuarat Bulanan Pengarah-Pengarah SPRM Bil.2 Tahun 2017)

Disediakan Oleh:-

Unit Statistik

Cawangan Perisytiharan Harta & Statistik (CPHS)

Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

08.03.2022

2.3 DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda membanteras rasuah telah menjadi keutamaan negara. Oleh yang demikian, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan.



Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Majlis Perbandaran Klang disediakan bertujuan untuk menetapkan sasaran yang praktikal berdasarkan inisiatif yang akan diambil dalam menangani masalah rasuah, integriti dan tadbir urus di Majlis Perbandaran Klang bagi tempoh tiga tahun akan datang.

Situasi ini secara tidak langsung akan mendorong warga Majlis Perbandaran Klang dari pelbagai peringkat untuk turut terlibat bagi menjayakan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) MPK 2022 – 2026 ini.



2.4 ISU DAN CABARAN

PENCAPAIAN INDEKS PERSEPSI RASUAH (CPI) BAGI MALAYSIA						
TAHUN	2016	2017	2018	2019	2020	2021
SKOR	49	47	47	53	51	48
KEDUDUKAN	55	62	61	51	57	62
NEGARA	176	168	180	180	180	180

Isu rasuah wujud dalam pelbagai bidang dan sektor tanpa mengira status atau jawatan individu yang memberi atau menerima rasuah. Antara isu dan cabaran dalam menangani rasuah adalah :

- Wujudnya ruang dan peluang untuk melakukan perbuatan rasuah
- Perspektif negatif orang awam
- Menyediakan perkhidmatan yang memenuhi kehendak pelanggan
- Campur tangan pihak berkepentingan dalam proses membuat keputusan
- Kehendak dan keinginan individu untuk mengamalkan gaya hidup mewah
- Karenah birokrasi
- Kurangnya kesedaran terhadap bahaya rasuah
- Kelemahan kawalan dalaman

Malaysia berada di tangga ke-57 daripada 180 negara di dalam Laporan Indeks Persepsi Rasuah (Corruption Perception Index atau CPI) pada tahun 2020 yang dikeluarkan oleh Transparency International Malaysia dan menunjukkan peningkatan imej berbanding tangga ke-51 daripada 180 negara pada tahun 2019.

Pihak Berkuasa Tempatan khususnya MPK merupakan salah satu daripada organisasi yang berisiko untuk terdedah dengan isu-isu rasuah dan integriti kerana sebagai PBT, fungsi MPK yang memberikan perkhidmatan perbandaran dan paling dekat dengan rakyat.

Bagi menghadapi isu dan cabaran ini. MPK telah menyahut seruan kerajaan dengan mewujudkan OACP untuk tempoh 5 tahun mulai tahun 2022-2026.

2.5 KESAN RASUAH TERHADAP INDIVIDU, MASYARAKAT DAN NEGARA



Hadis

Hadith daripada Abu Abdullah al-Nu'man bin Basyir R.A. bahawasanya beliau telah mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda:

إن الحلال بيّن وإن الحرام بيّن، وبينهما أمور مشتبّهات لا يعلمهن كثير من الناس، فمن اتقى الشبهات فقد استبرأ لدينه وعرضه، ومن وقع في الشبهات وقع في الحرام، كالراعي يرعى حول الحمى يوشك أن يرتع فيه، ألا وإن لكل ملك حمى ألا وإن حمى الله محارمه. ألا وإن في الجسد مضغة إذا صلحت صلح الجسد كله. وإذا فسدت فسد الجسد كله: ألا وهي القلب

Maksudnya: “Sesungguhnya perkara yang halal itu jelas, dan sesungguhnya perkara yang haram itu juga jelas, dan di antara kedua perkara tersebut ada perkara-perkara samar (syubhat) yang kebanyakan orang tidak mengetahuinya. Sesiapa yang menjaga (menjauhi) perkara syubhat (kesamaran), maka ia telah menyelamatkan agama dan maruahnyanya. Dan sesiapa yang terjatuh di dalam (melakukan) perkara syubhat, sama seperti ia terjatuh di dalam (melakukan) perkara yang haram, umpama seorang pengembala yang mengembala di sekeliling kawasan larangan, dibimbangi dia akan menceroboh masuk ke dalamnya. Ketahuilah bahawa setiap raja ada sempadan dan sesungguhnya sempadan Allah itu ialah perkara-perkara yang diharamkanNya. Ketahuilah bahawa dalam setiap jasad itu ada seketul daging yang apabila ia baik maka baiklah seluruh jasad dan apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh jasad. Ketahuilah ia adalah hati.”

Riwayat al-Bukhari (3842)

KERANGKA PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP) MAJLIS PERBANDARAN KLANG 2022 - 2025

Kerajaan telah menggantikan Pelan Integriti (PIN) dan National Key Result Area (NKRA) – “Membanteras Rasuah”, dengan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) yang lebih menyeluruh dan berupaya memberi impak positif yang berkekalan. NACP diperkenalkan setelah mengambil kira pandangan pelbagai lapisan masyarakat berhubung isu kebebasan, hak, kesejahteraan dan ketidakstabilan ekonomi negara.

Di peringkat organisasi, Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) akan mengacu ke arah peningkatan ketelusan dengan menerapkan prinsip integriti dan kebertanggungjawaban dalam semua sistem dan prosedur di Majlis Perbandaran Klang. OACP ini juga bertujuan menghapuskan penyelewengan dan kelemahan tadbir urus. Pelaksanaan dan penguatkuasaan inisiatif ini diyakini mampu meningkatkan tahap ketelusan dan integriti Majlis Perbandaran Klang sekaligus meningkatkan persepsi pengguna.

Beberapa bidang berisiko yang terdedah kepada perlakuan rasuah telah dikenalpasti melalui kajian daripada pelbagai sumber serta Bengkel Pembangunan OACP Majlis Perbandaran Klang. Hasilnya, OACP menggariskan sebuah rangka yang menyeluruh dalam memerangi rasuah. Antara inisiatif yang dirangka termasuklah memastikan setiap pemegang taruh menangani permasalahan rasuah di Majlis Perbandaran Klang melalui pembangunan OACP.

3.1 RINGKASAN STATISTIK BIDANG KEUTAMAAN, STRATEGI, OBJEKTIF STRATEGI DAN INISIATIF JABATAN

PERKARA	JUMLAH
Bidang Keutamaan	4
Strategi	4
Objektif Strategi	7
Pelan Tindakan (Inisiatif)	46

3.2 VISI DAN MISI OACP MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Kerangka Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Majlis Perbandaran Klang 2022 – 2026 mengenalpasti misi penting yang menjadi panduan kepada keberkesanan dalam usaha membanteras rasuah dalam kalangan warga Majlis Perbandaran Klang dengan memperkukuhkan ketelusan dan akauntabiliti berasaskan tadbir urus yang baik.

VISI OACP MPK

Membentuk warga Majlis Perbandaran Klang yang berintegriti dan bebas rasuah ke arah Bandaraya Diraja dan warisan yang mampan tahun 2030

MISI OACP MPK

Memantapkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti organisasi MPK berasaskan tadbir urus yang baik dan berintegriti.



3.3 BIDANG KEUTAMAAN YANG BERISIKO

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, empat (4) bidang utama yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan rasuah di Majlis Perbandaran Klang telah dikenalpasti iaitu :



3.4 STRATEGI OACP MAJLIS PERBANDARAN KLANG



3.5 OBJEKTIF STRATEGI OACP MAJLIS PERBANDARAN KLANG

TADBIR URUS DAN PENGURUSAN	KEWANGAN DAN PEROLEHAN	PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN	PENGUATKUASAAN DAN PELESENAN
STRATEGI			
OS1 : Memperkukuhkan Tadbir Urus Yang Cekap Dan Berkualiti Dalam Organisasi	OS2 : Mempertingkatkan Ketelusan Dalam Pengurusan Kewangan Dan Perolehan	OS3 : Meningkatkan Kecekapan Dan Pengurusan Dalam Pelaksanaan Perancangan Dan Projek-Projek Pembangunan.	OS4 : Memantapkan Integriti Dan Kredibiliti Dalam Penguatkuasaan Dan Pengeluaran Lesen
OBJEKTIF STRATEGI			
OS1 : Meningkatkan Kompetensi Serta Kecekapan Perkhidmatan Melalui Pemantauan Dan Menambahbaik Sistem Pengurusan Sedia Ada.	OS1 : Mempertingkatkan Pemantauan Ke Atas Proses Pembayaran Dalam Kewangan	OS1 : Memantapkan Pengurusan Perancangan, Pembangunan Dan Kemudahan Awam Berlandaskan Undang-Undang, Polisi Dan Garis Panduan Yang Telah Ditetapkan	OS1 : Meningkatkan Kompetensi, Kecekapan Dan Ketelusan Yang Berterusan Dalam Tindakan Penguatkuasaan Dan Pelesenan Melalui Penambahbaikan Sistem Pengurusan Sedia Ada.
OS2 : Meningkatkan Kecekapan Dan Profesionalisme Dalam Pengurusan Aduan.	OS2 : Memperkembangkan Penguatkuasaan Dan Pemantauan Dalam Proses Kerja Perolehan		
OS3 : Meningkatkan Kecekapan Perkhidmatan Teknologi Maklumat Melalui Pembangunan Sistem Yang Lebih Efektif.			

3.6 KEUTAMAAN STRATEGI : PENEKANAN 46 PELAN TINDAKAN (INISIATIF)

BIL.	PELAN TINDAKAN (INISIATIF)	STRATEGI
1.	Penyediaan Jadual Temuduga Perlu Dirancang Dengan Lebih Awal Dan Teratur Berhubung Pengambilan Kakitangan.	Strategi 1
2.	Menambahbaik Mekanisme Kawalan Dalaman Pengurusan Kursus.	Strategi 1
3.	Menambahbaik Sistem Teknikal E-Penilaian, DPMS, GIS Dan E-Cukai Bagi Meningkatkan Hasil Cukai Taksiran.	Strategi 1
4.	Memperkukuhkan Pemantauan Ke Atas Pematuhan Prosedur Kerja Berkaitan Kerja Tidak Mengikut Tempoh / Jadual Yang Ditetapkan.	Strategi 1
5.	Memantapkan Pemantauan Urusan Rekod Daftar Aset Majlis.	Strategi 1
6.	Meningkatkan Pemantauan Secara Berkala Ke Atas Mekanisme Kawalan Dalam Penyelenggaraan Aset Tidak Alih Majlis.	Strategi 1
7.	Meningkatkan Pemantauan Dan Penyelarasan Serahan Saman.	Strategi 1
8.	Pemeriksaan Mengejut Di Bilik Fail Pendakwaan.	Strategi 1
9.	Memastikan Prosedur Kerja Yang Ditetapkan Dipatuhi Dan Dipenuhi Mengikut Spesifikasi Berkaitan Kelulusan Permohonan.	Strategi 1
10.	Memperkasakan Proses Kerja Berjadual Dan Pemantauan Yang Lebih Bersistematik Berkaitan Kerja Kontrak.	Strategi 1
11.	Memberikan Kursus Pemantapan Berkaitan Kaedah Pengiraan Inventori Kawasan.	Strategi 1
12.	Memperkasa Sistem Pemantauan Kerja Kontrak Yang Lebih Berkesan Dan Memperincikan Skop Dan Spesifikasi Kerja.	Strategi 1
13.	Memperkemas, Menguatkuasa Dan Memantau Secara Berkala Ke Atas Permohonan Secara Atas Talian.	Strategi 1
14.	Memantau Jabatan Memproses Untuk Menyediakan Kertas Mesyuarat Mengikut Senarai Permohonan Pelan Pemajuan Yang Disediakan Oleh Urusetia Melalui Mesyuarat PraMJKOSC.	Strategi 1

3.6 KEUTAMAAN STRATEGI : PENEKANAN 46 PELAN TINDAKAN (INISIATIF)

BIL.	PELAN TINDAKAN (INISIATIF)	STRATEGI
15.	Mewujudkan Ahli Jawatankuasa Bagi Pemeriksaan Permohonan Sifus.	Strategi 1
16.	Menambahbaik Senarai Semak Sedia Ada Bagi Pengesahan Pelantikan Ahli Jawatankuasa.	Strategi 1
17.	Mengambil Tindakan Punitif Ke Atas Kakitangan Yang Cuai Dalam Mematuhi Prosedur Perlantikan Kontraktor / Pembekal.	Strategi 1
18.	Melaksanakan Semakan Buku Kenderaan Secara Berkala.	Strategi 1
19.	Pemberian Saguhati / Token Kepada Panel Penilai / Juruaudit Dibentang Dalam Mesyuarat Pengurusan / Mesyuarat Kewangan Untuk Kelulusan.	Strategi 1
20.	Memperkemaskan Serta Menambahbaik Sistem Aduan Mpklang (I-Responz) Agar Lebih Komprehensif.	Strategi 1
21.	Mewujudkan Sistem / Aplikasi Pengurusan Aduan Perkakasan Teknologi Maklumat.	Strategi 1
22.	Pemasangan Sistem Backup Data Berpusat.	Strategi 1
23.	Pemantauan Daripada Penyelia Secara Berkala Bagi Memastikan Pembayaran Dapat Dilaksanakan Dalam Tempoh 7 Hari.	Strategi 2
24.	Anggaran Jabatan Sebutarga Tender Akan Dimasukkan Dalam Peti Dengan Sampul Surat Berlakri Oleh Jabatan Pelaksana.	Strategi 2
25.	Mewujudkan Garis Panduan Pembekalan Dibuat Mengikut Tempoh Yang Ditetapkan Dalam Sistem Kewangan Bersepadu Untuk Penerimaan Barang.	Strategi 2
26.	Mengadakan Lawatan Ditapak Bersama Jabatan Pelaksana Secara Berkala.	Strategi 2
27.	Meningkatkan Pemantauan Ke Atas Pematuhan Prosedur Kerja Di Tapak.	Strategi 3
28.	Meningkatkan Kecekapan Pematuhan Prosedur Kerja Pegawai Pemantau Projek.	Strategi 3
29.	Mempertingkat Dan Memantau Secara Berkala Mekanisma Kawalan Ke Atas Prosedur Penyimpanan Dan Pengambilan Fail.	Strategi 3
30.	Mempertingkatkan Dan Menguatkuasa Pematuhan Ke Atas Tindakan Susulan Bagi Notis Binaan Tanpa Izin Dengan Penyediaan Kertas Siasatan Untuk Tindakan Pendakwaan Ke Mahkamah.	Strategi 3
31.	Memperkemaskan Kawalan Pemantauan Secara Berkala Binaan Ubahsuaian.	Strategi 3
32.	Meningkatkan Kompetensi Dan Pemantauan Pengurusan Berkaitan Proses Penerimaan Sehingga Kelulusan Pelan Ubahsuaian Supaya Mematuhi Garis Panduan Ubahsuaian Yang Dikeluarkan Oleh Majlis.	Strategi 3

3.6 KEUTAMAAN STRATEGI : PENEKANAN 46 PELAN TINDAKAN (INISIATIF)

BIL.	PELAN TINDAKAN (INISIATIF)	STRATEGI
33.	Memastikan Pematuhan Ke Atas Prosedur Iso Dan Menambak Garis Panduan Kebenaran Merancang Dan Tindakan Penguatkuasaan Ke Atas Pemajuan.	Strategi 3
34.	Mewujudkan Sesi Rundingan Awal Sebelum 'Submission' Merujuk Senarai Semak.	Strategi 3
35.	Mewujudkan Sesi Penilaian Diperingkat Pemilihan Kontraktor Yang Melibatkan Elemen Kompetensi.	Strategi 3
36.	Mempertingkat Dan Memantau Secara Berkala Ke Atas Mekanisme Pengurusan Penerimaan Dan Pengeluaran Peralatan Aktiviti Sitaan / Operasi.	Strategi 4
37.	Memperkemas Prosedur Penerimaan Barang - Barang Sitaan Untuk Tujuan Penyimpanan.	Strategi 4
38.	Meningkatkan, Menguatkuasa Dan Memantau Secara Berkala Ke Atas Mekanisme Kawalan Dalaman Berkaitan Ke Atas Urusan Tuntutan Kerja Lebih Masa.	Strategi 4
39.	Meningkatkan Kompetensi Dalam Penguatkuasaan Dan Pengeluaran Lesen.	Strategi 4
40.	Menyediakan Sistem Permohonan Lesen Dan Iklan Yang Baru Yang Lebih Komprehensif.	Strategi 4
41.	Pembekalan 'Tablet' Dan Talian Data Kepada Pegawai Yang Membuat Pemeriksaan Di Lapangan Untuk Memproses Permohonan Lesen.	Strategi 4
42.	Menyemak Semula, Menambahbaik Dan Memperkukuhkan Semua Prosedur Operasi Standard (SOP) Yang Digunapakai Di Jabatan Berkaitan Keputusan Permohonan Permit Perniagaan Sementara.	Strategi 4
43.	Menaiktaraf Aplikasi Sistem Sedia Ada Yang Lebih Efisien Berkaitan Keputusan Permohonan Permit Perniagaan Sementara.	Strategi 4
44.	Memperkemas, Menguatkuatkuasa Dan Memantau Secara Berkala Mekanisme Kawalan Dalaman Ke Atas Penarafan Gred Premis Makanan.	Strategi 4
45.	Memperkemas, Menguatkuatkuasa Dan Memantau Secara Berkala Mekanisme Kawalan Dalaman Ke Atas Penangkapan Dan Pelupusan Anjing.	Strategi 4
46.	Memperkemas, Menguatkuatkuasa Dan Memantau Secara Berkala Mekanisme Kawalan Dalaman Ke Atas Pemeriksaan Dan Pemusnahan Tempat Pembiakan Nyamuk Aedes.	Strategi 4

PELAN TINDAKAN (INISIATIF) OACP MAJLIS PERBANDARAN KLANG

BIDANG KEUTAMAAN 1 : TADBIR URUS DAN PENGURUSAN

STRATEGI	S1	Memperkukuhkan Tadbir Urus Yang Cekap Dan Berkualiti Dalam Organisasi
OBJEKTIF STRATEGI	OS1	Meningkatkan Kompetensi Serta Kecekapan Perkhidmatan Melalui Pemantauan Dan Menambahbaik Sistem Pengurusan Sedia Ada.

BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	Sepanjang Tahun
PT1	Penyediaan Jadual Temuduga Perlu Dirancang Dengan Lebih Awal Dan Teratur Berhubung Pengambilan Kakitangan.	Jabatan Khidmat Pengurusan	Sepanjang Tahun
PT2	Menambahbaik Mekanisme Kawalan Dalaman Pengurusan Kursus.	Jabatan Khidmat Pengurusan	Sepanjang Tahun
PT3	Menambahbaik Sistem Teknikal E-Penilaian, DPMS, GIS Dan E-Cukai Bagi Meningkatkan Hasil Cukai Taksiran.	Jabatan Penilaian / Bangunan / Perancang / Jabatan Pusat Setempat (OSC) / Teknologi Maklumat	36 Bulan
PT4	Memperkukuhkan Pemantauan Ke Atas Pematuhan Prosedur Kerja Berkaitan Kerja Tidak Mengikut Tempoh / Jadual Yang Ditetapkan.	Jabatan Pengurusan Harta	
PT5	Memantapkan Pemantauan Urusan Rekod Daftar Aset Majlis.	Jabatan Pengurusan Harta	36 Bulan
PT6	Meningkatkan Pemantauan Secara Berkala Ke Atas Mekanisme Kawalan Dalam Penyelenggaraan Aset Tidak Alih Majlis.	Jabatan Pengurusan Harta	5 Tahun
PT7	Meningkatkan Pemantauan Dan Penyelarasan Serahan Saman.	Jabatan Undang-undang	2 Kali Setahun
PT8	Pemeriksaan Mengejut Di Bilik Fail Pendakwaan.	Jabatan Undang-undang	2 Kali Setahun
PT9	Memastikan Prosedur Kerja Yang Ditetapkan Dipatuhi Dan Dipenuhi Mengikut Spesifikasi Berkaitan Kelulusan Permohonan.	Jabatan Perkhidmatan Persekitaran	6 Bulan
PT10	Memperkasakan Proses Kerja Berjadual Dan Pemantauan Yang Lebih Bersistematik Berkaitan Kerja Kontrak.	Jabatan Perkhidmatan Persekitaran	6 Bulan

PELAN TINDAKAN (INISIATIF) OACP MAJLIS PERBANDARAN KLANG

BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	Sepanjang Tahun
PT11	Memberikan Kursus Pemantapan Berkaitan Kaedah Pengiraan Inventori Kawasan.	Jabatan Perkhidmatan Persekitaran	6 Bulan
PT12	Memperkasa Sistem Pemantauan Kerja Kontrak Yang Lebih Berkesan Dan Memperincikan Skop Dan Spesifikasi Kerja.	Jabatan Perkhidmatan Persekitaran	6 Bulan
PT13	Memperkemas, Menguatkuasa Dan Memantau Secara Berkala Ke Atas Permohonan Secara Atas Talian.	Jabatan Pusat Setempat (OSC)	3 Bulan
PT14	Memantau Jabatan Memproses Untuk Menyediakan Kertas Mesyuarat Mengikut Senarai Permohonan Pelan Pemajuan Yang Disediakan Oleh Urusetia Melalui Mesyuarat PraMJKOSC.	Jabatan memproses, Jabatan Pusat Setempat (OSC)	1 Bulan
PT15	Mewujudkan Ahli Jawatankuasa Bagi Pemeriksaan Permohonan Sifus.	Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB)	Sepanjang Tahun
PT16	Menambahbaik Senarai Semak Sedia Ada Bagi Pengesahan Pelantikan Ahli Jawatankuasa.	Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB)	Sepanjang Tahun
PT17	Mengambil Tindakan Punitif Ke Atas Kakitangan Yang Cuai Dalam Mematuhi Prosedur Perlantikan Kontraktor / Pembekal.	Bahagian Ukur Bahan	5 Bulan
PT18	Melaksanakan Semakan Buku Kenderaan Secara Berkala.	Jabatan Kejuruteraan	5 Bulan
PT19	Pemberian Saguhati / Token Kepada Panel Penilai / Juruaudit Dibentang Dalam Mesyuarat Pengurusan / Mesyuarat Kewangan Untuk Kelulusan.	Jabatan Komunikasi Korporat	Berterusan

PELAN TINDAKAN (INISIATIF) OACP MAJLIS PERBANDARAN KLANG

BIDANG KEUTAMAAN 1 : TADBIR URUS DAN PENGURUSAN

STRATEGI	S1	Memperkukuhkan Tadbir Urus Yang Cepak Dan Berkualiti Dalam Organisasi
OBJEKTIF STRATEGI	OS2	Meningkatkan Kecekapan Dan Profesionalisme Dalam Pengurusan Aduan.

BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
PT1	Memperkemaskan Serta Menambahbaik Sistem Aduan MPKlang (I-Responz) Agar Lebih Komprehensif.	Jabatan Komunikasi Korporat / Jabatan Teknologi Maklumat	Sepanjang Tahun

BIDANG KEUTAMAAN 1 : TADBIR URUS DAN PENGURUSAN

STRATEGI	S1	Memperkukuhkan Tadbir Urus Yang Cepak Dan Berkualiti Dalam Organisasi
OBJEKTIF STRATEGI	OS3	Meningkatkan Kecekapan Perkhidmatan Teknologi Maklumat Melalui Pembangunan Sistem Yang Lebih Efektif.

BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
PT1	Mewujudkan Sistem / Aplikasi Pengurusan Aduan Perkakasan Teknologi Maklumat.	Bahagian Aplikasi dan Perisian Sistem ICT, Jabatan Teknologi Maklumat	6 Bulan
PT2	Pemasangan Sistem Backup Data Berpusat.	Bahagian Pusat Data dan Keselamatan ICT, Jabatan Teknologi Maklumat	6 Bulan

PELAN TINDAKAN (INISIATIF) OACP MAJLIS PERBANDARAN KLANG

BIDANG KEUTAMAAN 2 : KEWANGAN DAN PEROLEHAN

STRATEGI	S1	Mempertingkatkan Ketelusan Dalam Pengurusan Kewangan Dan Perolehan.
OBJEKTIF STRATEGI	OS1	Mempergiatkan Pemantauan Ke Atas Proses Pembayaran Dalam Kewangan

BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
PT1	Pemantauan Daripada Penyelia Secara Berkala Bagi Memastikan Pembayaran Dapat Dilaksanakan Dalam Tempoh 7 Hari.	Jabatan Kewangan	Sepanjang Tahun

BIDANG KEUTAMAAN 2 : KEWANGAN DAN PEROLEHAN

STRATEGI	S1	Mempertingkatkan Ketelusan Dalam Pengurusan Kewangan Dan Perolehan.
OBJEKTIF STRATEGI	OS2	Memperkemaskan Penguatkuasaan Dan Pemantauan Dalam Proses Kerja Perolehan

BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
PT1	Anggaran Jabatan Sebutharga Tender Akan Dimasukkan Dalam Peti Dengan Sampul Surat Berlakri Oleh Jabatan Pelaksana.	Jabatan Berkaitan	Sepanjang Tahun
PT2	Mewujudkan Garis Panduan Pembekalan Dibuat Mengikut Tempoh Yang Ditetapkan Dalam Sistem Kewangan Bersepadu Untuk Penerimaan Barang.	Bahagian Ukur Bahan	Sepanjang Tahun
PT3	Mengadakan Lawatan Ditapak Bersama Jabatan Pelaksana Secara Berkala.	Jabatan Berkaitan	Sepanjang Tahun

PELAN TINDAKAN (INISIATIF) OACP MAJLIS PERBANDARAN KLANG

BIDANG KEUTAMAAN 3 : PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN

STRATEGI S1 Meningkatkan Kecekapan Dan Pengurusan Dalam Pelaksanaan Perancangan dan Projek-Projek Pembangunan.

OBJEKTIF STRATEGI OS1 Memantapkan Pengurusan Perancangan, Pembangunan Dan Kemudahan Awam Berlandaskan Undang-Undang, Polisi Dan Garis Panduan Yang Telah Ditetapkan.

BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
PT1	Meningkatkan Pemantauan Ke Atas Pemuatan Prosedur Kerja Di Tapak.	Jabatan Kejuruteraan	Sepanjang tahun
PT2	Meningkatkan Kecekapan Pematuhan Prosedur Kerja Pegawai Pemantau Projek.	Jabatan Kejuruteraan	Sepanjang tahun
PT3	Mempertingkatkan Dan Memantau Secara Berkala Mekanisma Kawalan Ke Atas Prosedur Penyimpanan Dan Pengambilan Fail.	Jabatan Bangunan Jabatan Khidmat Pengurusan	6 Bulan
PT4	Mempertingkatkan Dan Menguatkuasa Pematuhan Ke Atas Tindakan Susulan Bagi Notis Binaan Tanpa Izin Dengan Penyediaan Kertas Siasatan Untuk Tindakan Pendakwaan Ke Mahkamah.	Jabatan Bangunan	24 Bulan
PT5	Memperkemaskan Kawalan Pemantauan Secara Berkala Binaan Ubahsuaian.	Jabatan Bangunan	6 Bulan
PT6	Meningkatkan Kompetensi Dan Pemantauan Pengurusan Berkaitan Proses Penerimaan Sehingga Kelulusan Pelan Ubahsuaian Supaya Mematuhi Garis Panduan Ubahsuaian Yang Dikeluarkan Oleh Majlis.	Jabatan Bangunan	12 Bulan
PT7	Memastikan Pematuhan Ke Atas Prosedur ISO Dan Menambah Garis Panduan Kebenaran Merancang Dan Tindakan Penguatkuasaan Ke Atas Pemajuan.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	Sepanjang tahun
PT8	Mewujudkan Sesi Rundingan Awal Sebelum 'Submission' Merujuk Senarai Semak.	Jabatan Taman Dan Rekreasi	1 Tahun
PT9	Mewujudkan Sesi Penilaian Diperingkat Pemilihan Kontraktor Yang Melibatkan Elemen Kompetensi.	Jabatan Taman Dan Rekreasi	1 Tahun

PELAN TINDAKAN (INISIATIF) OACP MAJLIS PERBANDARAN KLANG

BIDANG KEUTAMAAN 4 : PENGUATKUASAAN DAN PELESENAN

STRATEGI	S1	Memantapkan Integriti Dan Kredibiliti Dalam Penguatkuasaan Dan Pengeluaran Lesen.
OBJEKTIF STRATEGI	OS1	Meningkatkan Kompetensi, Kecekapan Dan Ketelusan Yang Berterusan Dalam Tindakan Penguatkuasaan Dan Pelesenan Melalui Penambaaian Sistem Pengurusan Sedia Ada.

BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
PT1	Mempertingkat Dan Memantau Secara Berkala Ke Atas Mekanisme Pengurusan Penerimaan Dan Pengeluaran Peralatan Aktiviti Sitaan / Operasi.	Jabatan Penguatkuasa	6 Bulan
PT2	Memperkemas Prosedur Penerimaan Barang - Barang Sitaan Untuk Tujuan Penyimpanan.	Jabatan Penguatkuasa	6 Bulan
PT3	Meningkatkan, Menguatkasa Dan Memantau Secara Berkala Ke Atas Mekanisme Kawalan Dalaman Berkaitan Ke Atas Urusan Tuntutan Kerja Lebih Masa.	Semua Jabatan	Sepanjang Tahun
PT4	Meningkatkan Kompetensi Dalam Penguatkuasaan Dan Pengeluaran Lesen.	Jabatan Pelesenan	2 Tahun (Jan 2022- Dis 2024)
PT5	Menyediakan Sistem Permohonan Lesen Dan Iklan Yang Baru Yang Lebih Komprehensif.	Jabatan Pelesenan Jabatan Teknologi Maklumat Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Tahun (Jan 2022- Dis 2024)
PT6	Pembekalan 'Tablet' Dan Talian Data Kepada Pegawai Yang Membuat Pemeriksaan Di Lapangan Untuk Memproses Permohonan Lesen.	Jabatan Pelesenan Jabatan Teknologi Maklumat	2 Tahun (Jan 2022- Dis 2024)
PT7	Menyemak Semula, Menambahbaik Dan Memperkukuhkan Semua Prosedur Operasi Standard (SOP) Yang Digunapakai Di Jabatan Berkaitan Keputusan Permohonan Permit Perniagaan Sementara.	Jabatan Pengurusan Pasar Dan Penjaja	1 tahun April 2022 – Mac 2023
PT8	Menaiktaraf Aplikasi Sistem Sedia Ada Yang Lebih Efisien Berkaitan Keputusan Permohonan Permit Perniagaan Sementara.	Jabatan Pengurusan Pasar Dan Penjaja	2 tahun April 2022 – Mac 2024

PELAN TINDAKAN (INISIATIF) OACP MAJLIS PERBANDARAN KLANG

BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
PT9	Memperkemas, Menguatkuasa Dan Memantau Secara Berkala Mekanisme Kawalan Dalaman Ke Atas Penarafan Gred Premis Makanan.	Jabatan Kesihatan	2 tahun (Jan 2022 – Dis 2023)
PT10	Memperkemas, Menguatkuasa Dan Memantau Secara Berkala Mekanisme Kawalan Dalaman Ke Atas Penangkapan Dan Pelupusan Anjing.	Jabatan Kesihatan	1 tahun (Jan – Dis 2020)
PT11	Memperkemas, Menguatkuasa Dan Memantau Secara Berkala Mekanisme Kawalan Dalaman Ke Atas Pemeriksaan Dan Pemusnahan Tempat Pembiakan Nyamuk Aedes.	Jabatan Kesihatan	5 tahun (Jan 2022 – Dis 2027)

4.1 MEKANISME PENYELARAS DAN PENILAIAN

Unit Integriti MPK dengan kerjasama dari Jawatankuasa OACP MPK yang telah dilantik dari setiap jabatan/bahagian/unit di bawah Majlis Perbandaran Klang akan bertindak sebagai penyelaras bagi pembangunan, pelaksanaan, pemantauan Pelan Tindakan, dan pelaporan pencapaian OACP MPK secara berkala. Dalam hal ini, Jawatankuasa OACP MPK akan mengemukakan pelaporan pelaksanaan OACP MPK kepada Unit Integriti untuk dikemukakan kepada pihak Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.



4.2 FORMAT PELAPORAN OACP MAJLIS PERBANDARAN KLANG

BAHAGIAN	
BIDANG KEUTAMAAN	
STRATEGI	
OBJEKTIF STRATEGI	
TARIKH LAPORAN	

Bil	PROGRAM/AKTIVITI	KUMPULAN SASARAN	PELAKSANAAN	TINDAKAN YANG DIAMBIL	TARIKH PELAKSANAAN	CATATAN

4.3 KESIMPULAN

Bagi menyahut dan memperlihatkan komitmen Majlis Perbandaran Klang dalam menyokong usaha kerja ini, MPK telah membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) MPK bagi tempoh lima (5) tahun iaitu 2022 sehingga 2026. OACP ini telah menggariskan inisiatif yang akan dilaksanakan oleh MPK sebagai mekanisme pengurusan pemantapan governans, integriti dan anti rasuah Majlis.

Sebagai langkah pencegahan serta kawalan dalaman, pelan tindakan telah dibangunkan dan diharapkan agar inisiatif-inisiatif tersebut dapat memantapkan aspek governans, integriti dan anti rasuah dalam organisasi ini.

Pelan ini juga menjelaskan mekanisme penyelarasan dan pemantauan bagi memastikan inisiatif-inisiatif OACP MPK dilaksanakan seperti yang ditetapkan dan pelan ini akan sentiasa dikaji serta dikemaskini mengikut perubahan semasa. Semoga pelan ini dapat menjadi panduan ini semoga dalam menjadikan MPK sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berintegriti dan bebas rasuah serta dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang cekap, telus dan dihormati.